



Buletin

Zulkaedah 1446H/Mei 2025

ACIS

Hari Guru: Pemacu Reformasi Pendidikan



eISSN 2600-8289



9 772600 828001

Puisi: Permulaan Wibawa di Akhir Percaya



Oleh:

Shahril Anuar Abdul Ghalim

Pensyarah Kanan, Fakulti Komunikasi dan
Pengajian Media (FKPM), UiTM Negeri
Sembilan, Kampus Rembau

**Kesinambungan cerita mendidik pengalaman
Kefahaman penonton penerimaan berpaksi
Penerbitan drama pengarah seniman
Ditayang eksklusif pemangkin transformasi**

**Konsep dan format berpandukan minat
Golongan sasaran membawa tujuan
Menzahirkan mesej duta amanat
Nilai komersial standard piawaian**

**Kewibawaan rancangan patuh berjaya
Garis panduan penonjolan jenama
Setting digabung pelbagai gaya
Pengaruh fikiran ditolak diterima**

**Ketika menonton keraguan menjelma
Pertimbangan rasa peka suasana
Membatal percaya kegagalan drama
Persembahan diatur tidak sempurna**

**Kenyataannya drama bukan berfakta
Realiti fantasi digabung bernyawa
Rekaan cerita siaran bertakhta
Penonton percaya rancangan berwibawa**